

'KERAJAAN AKAN KEKALKAN SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN BERPERLEMBAGAAN'

PM yakin raja-raja tidak mudah diperalat

U.M. - 8 JUN 1989

KUALA LUMPUR 7 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau yakin raja-raja tidak mudah diperalat oleh segelintir rakyat yang cuba menggunakan institusi raja, mahkamah, sistem kehakiman dan sistem pilihanraya untuk mencapai cita-cita dan memenuhi kepentingan diri mereka.

"Patik percaya duli-duli yang maha mulia raja-raja memang tidak berkenan dengan tindak-tanduk ini dan tidak mudah diperalatkan.

"Patik juga percaya, dengan kebijaksanaan ke bawah Duli Tuanku memerintah negara dan dengan Tuanku sebagai simbol kedaulatan serta perpaduan, rakyat akan terus menikmati hidup yang penuh bahagia serta kesejahteraan," kata Datuk Sri Dr. Mahathir dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia bagi pihak kerajaan dan rakyat di majlis mengadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulangtahun hari keputeraan rasmi yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, di sini pagi ini.

Serentak dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus mengekalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan serta akan menentang apa sahaja percubaan untuk merosakkannya.

Kerajaan, kata Perdana Menteri, mementingkan rakyat yang memerlukan kemajuan dan bukan mereka yang mementingkan diri sendiri.

Beliau menambah, sungguhpun masih ada kumpulan dari luar dan dalam negeri yang kononnya cuba memperjuangkan hak asasi kemanusiaan dan cuba campurtangan dalam urusan pentadbiran negara, kerajaan akan tetap teguh dengan pendiriannya untuk mengekalkan apa yang telah diperjuangkan.

Suasana damai

Katanya lagi, dengan izin Tuhan, negara terus berada dalam suasana damai dan keadaan ini dapat diwujudkan kerana kerajaan telah memilih cara menadbir negara yang sesuai.

"Sistem yang kita amalkan membolehkan kerajaan dan rakyat yang berbilang kaum di negara ini hidup dengan penuh perpaduan dan persefahaman di mana berpandukan kepada perlembagaan dan Rukunegara semua pihak bertanggungjawab untuk menanamkan perasaan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, di samping berpegang kepada nilai-nilai ini, rakyat telah membuktikan kesediaan untuk berkorban demi kepentingan negara.

Rakyat Malaysia yang berbilang kaum, kata Perdana Menteri, adalah suatu masyarakat yang unik di-kacamatan dunia kerana dapat hidup dengan penuh keharmonian walaupun masing-masing berlainan agama, adat resam dan budaya hidup.

Katanya, negara mengamalkan kerajaan berparti dengan Barisan Nasional (BN) menerajuiannya.

Kegelisahan politik, menurut beliau, telah wujud untuk sementara waktu apabila UMNO diharamkan tetapi bersyukurlah UMNO telah dihidupkan semula dan kegelisahan itu telah mulai

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Yakin raja2 tidak mudah diperalat

hilang.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, kekuatan UMNO menambahkan kekuatan BN dan kekuatan BN pula meneguhkan pentadbiran sistem kerajaan.

Beliau menambah, sebagai pengerusi BN, usaha untuk mengekalkan perpaduan antara parti-parti komponen akan terus dijalankan demi menjamin masa depan BN yang kuat dan dapat memperjuangkan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan untuk rakyat.

Mengenai ekonomi negara, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan bersyukur kerana keadaan terus bertambah pulih dan teguh pada awal tahun ini selepas mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan sejak dua tahun lepas.

Katanya, pertumbuhan menggalakkan ini dapat dilihat melalui pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar tahun lalu yang mengatasi pencapaian pada tahun-tahun lepas sejak tahun 1979.

Beliau menyatakan keyakinannya bahawa pertumbuhan yang dicapai sejak dua tahun lalu akan berterusan tahun ini dan tahun-

tahun akan datang.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, salah satu perubahan struktur ekonomi yang dirancang ialah menjadikan ekonomi negara kurang bersandar kepada eksport barangan komoditi dan sebaliknya menggalakkan pembanguan industri pembuatan dan pengeksportan hasilnya.

"Untuk itu, kita mestilah sanggup membelakangkan sedikit kepentingan diri supaya barangan kita boleh bersaing dengan jayanya di pasaran dunia," ujar beliau.

Tegas beliau, Malaysia telah diiktiraf sebagai sebuah negara yang dapat memberi sumbangan kepada kebajikan antarabangsa walaupun sebuah negara kecil jika hendak dibandingkan di peta dunia.

Katanya, antara kejayaan Malaysia di mata dunia ialah apabila terpilih sebagai Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan Dadah, menduduki kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan akan menjadi tuan rumah mesyuarat ketua-ketua Kerajaan Komanwel dan Sukan SEA tahun ini.